

E-BULETIN GEOTROPIK

KELUARAN KHAS SEMPENA KURSI ISKANDAR MALAYSIA @UTM

BIL. 1/ MAC 2019



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah, buletin khas GEOTROPIK bil. 1/2019 ini menemui pembaca untuk berkongsi maklumat dan perkembangan Pusat GEOTROPIK. Untuk makluman pembaca sekalian, edisi khas kali ini menumpukan Kursi Iskandar Malaysia @UTM yang ditubuhkan hasil kerjasama antara IRDA dan UTM bagi menjayakan matlamat Pembangunan Lestari Wilayah (SDG). Pemegang kursi juga merupakan Felo Penyelidik Kehormat di Pusat GEOTROPIK.

Antara tujuan penubuhan kursi adalah untuk merangka dan menyusun strategi projek penyelidikan nasional dan wilayah serta penasihat perancangan dan pelaksanaan selaras dengan 11 teras strategik Kitaran Kemampaman Iskandar Malaysia.

Semoga para pembaca mendapat input yang bermanfaat melalui buletin khas ini.

Prof. Dr. Edy Tonnizam Mohamad
Pengarah,
Pusat Geokejuruteraan Tropika (GEOTROPIK),
Universiti Teknologi Malaysia

ISU KHAS

- 2 Perluasan Wilayah Iskandar Malaysia satu keputusan bijaksana
- 4 Syaranan Perdana Kursi Iskandar Malaysia @UTM

VISI

GEOTROPIK sebagai pusat perkhidmatan akademik bertaraf global dalam bidang Geokejuruteraan Tropika

MISI

GEOTROPIK sebagai peneraju pemikiran bidang Geokejuruteraan Tropika

PERKHIDMATAN AKADEMIK

Kejuruteraan Geologi dan Geoteknik

Penerokaan Geofizik

Tanah, batu dan interaksi tropika

Pengorekan, Asas Binaan dan Cerun

Geobencana

Akuifer Batuan

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

Geomatik dan Sistem Geoinformasi

Kuari dan Perlombongan

Kelestarian dan Sumber Asli

Intrumentasi dan Pemantauan

Kejuruteraan Jalan Raya dan Turapan Jalan

PROJEK SEMASA

- Pembangunan Mersing Geopark
- Pengukuran dan Pemetaan Utiliti bawah Tanah
- Penerokaan dan Pembangunan Akuifer Batuan di Iskandar Puteri dan JCorp
- Penyiasatan Tanah di Empangan Sultan Ibrahim, Pontian
- Mempertingkat Industri Hiliran Sumber Mineral Johor
- Projek Kerangka Pemuliharaan Sungai Johor Fasa 1
- Kerja-kerja Pembinaan Cerun di Kulai
- Pemantauan, Kajian Kesiapsiagaan dan Penyelenggaraan Sistem DGNSS, Jabatan Laut Malaysia
- Pengecaman Kawasan Panas Di Tapak Pelupusan Menggunakan Pengimejan Thermal Dari Platform Drone, Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- Kajian Kesesuaian Lokasi Baru Pemancar Sispelsat Jabatan Laut Malaysia
- Cadangan Menyemak & Mengemaskini Spesifikasi Piawaian Jalan (Earthworks), JKR Malaysia
- Kajian EIA di Kawasan Operasi Perlombongan Bijih Besi, Mukim Chaah Baru
- Cerapan Titik Kawalan GPS

WACANA KEILMUAN

2017 International Tropical Geoengineering and Groundwater Symposium

2018 International Short Course on Earthquake Source & Hazard

2019 GEOTROPIK International Symposium On Soft Ground Improvements

Wacana GEOTROPIK siri 6



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat ahli-ahli pihak berkuasa (MoA) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) ke-24 di Putrajaya – IRDA, 2019

PERLUASAN WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA SATU KEPUTUSAN BIJAKSANA

Mesyuarat Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Datuk Osman Sapian, Menteri Besar Johor memutuskan Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia diperluaskan meliputi daerah Kota Tinggi, Pontian dan Kluang adalah langkah bijaksana. Kini wilayah Iskandar Malaysia (IM) meliputi lima daerah, termasuk Johor Bahru dan Kulai berkeluasan 4,749 kilometer persegi. Idea awal pembangunan wilayah IM ialah membina sebuah metropolis bertaraf antarabangsa dan dibangunkan secara lestari. Dengan perkembangan baharu, saya yakin objektifnya akan diperluaskan menjadi Pembangunan Lestari Wilayah (PLW) sebenar dan contoh pembangunan wilayah masa hadapan.

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) diwujudkan pada tahun 2006 ialah tindakan berinovasi bagi mengatasi isu asas dalam menjayakan pembangunan lestari. Langkah ini berhasrat menyediakan mekanisme pengurusan bersama peringkat tertinggi antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Johor. Usaha pembangunan wilayah, terutamanya di

peringkat negeri kurang berjaya kerana sistem governans negara memberi kuasa kepada kerajaan negeri dalam hal-ehwal pembangunan tanah dan sumber asli. Walhal sumber kepakaran, teknologi dan kewangan berada pada kepemimpinan Persekutuan. Pendekatan pengurusan bersama antara kerajaan Persekutuan dan negeri membolehkan wilayah Iskandar Malaysia dibangunkan secara berkesan berpaksikan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan keupayaan masyarakat setempat, dan prihatin alam sekitar.

IRDA diwujudkan dengan wawasan yang jelas iaitu mewujudkan sebuah wilayah perbandaran sebagai pilihan pertama untuk pelabur, pekerja, tempat bermastautin dan beriadah. Ini diikuti dengan misi untuk membangun Iskandar Malaysia sebagai sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan lestari. Perancangan, tindakan strategi dan usaha menarik pelabur terbukti sangat berjaya. Ia bukan sekadar wilayah pelabur asing, tetapi penting sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan pertempatan bagi masyarakat Malaysia keseluruhannya. Dengan perluasan kawasan, wawasan ini perlu dikembangkan merangkumi sebuah

wilayah yang lengkap mengandungi komponen bandar, kawasan pertanian dan pembangunan luar bandar.


PLW bukan sekadar membangun sebuah metropolis secara lestari, tetapi melibatkan konsep pembangunan terimbang dan holistik. Ia perlu memberikan perhatian saksama antara pembangunan bandar, pertempatan, industri, pertanian, budaya dan warisan, dan khidmat alam sekitar. Ia adalah tempat untuk kehidupan yang selesa, peluang pekerjaan yang luas, kawasan pertanian, pusat ilmu dan budaya dan landskap berpandangan indah. Ada ruang untuk pelabur menjana ekonomi mega, pada masa yang sama terbuka peluang bagi komuniti setempat menjana ekonomi negara. Semua pihak mampu memiliki rumah kediaman, daripada kediaman mewah hingga kehidupan di pekan dan kampung, dan dengan kemudahan awam yang sama.

Pembangunan bandar dan pertempatan kini berbeza daripada perancangan IM asal. Hasrat membangun pusat bandar bertaraf antarabangsa masih boleh diteruskan. Begitupun perluasan kawasan kini merangkumi kehadiran bandar dan pekan yang menyokong pertumbuhan daerah, serta kampung

dan desa mewakili landskap luar Bandar. Dalam hal ini konsep perbandaran, pertempatan dan perindustrian perlu diteliti semula bagi membolehkan pertumbuhan berlaku secara terimbang dan jaringan antara metropolis antarabangsa, bandar daerah dan kampung dipertimbangkan dengan teliti.

Perkembangan yang menarik ialah dengan perluasan kawasan, wilayah IM akan memberikan tumpuan kepada inisiatif pertanian moden. Isu ini telah dimulakan di peringkat kebangsaan sejak beberapa dekad lalu tetapi kurang berjaya. Ada beberapa isu asas yang masih perlu diselesaikan, antaranya ialah keterbatasan petani berskala kecil, sokongan pertanian keselamatan makanan, dan mewujudkan kitaran lengkap industri berasas pertanian. Dengan memecah ruyung, wilayah IM mampu memajukan pertanian moden dan mengubah set minda masyarakat iaitu ‘petani bukan lagi golongan miskin’ seperti terbukti di negara maju.

Kebanyakan metropolis dunia, berkembang pesat, bersifat moden tetapi masih mengekalkan warisan, tradisi dan budaya setempat. Bandar menjadi pusat kesenian dan kebudayaan berkualiti global. Wilayah IM perlu memberikan perhatian tinggi kepada perkara ini. Imej bandar dan rekabentuk prasarana perlu memberikan tumpuan kepada identiti Johor dan budaya kebangsaan. Bangunan bersejarah, terutama bangunan sebelum merdeka sebagai khazanah perlu dibaik pulih dan dikekalkan. Warga dunia ingin menikmati



“Perluasan kawasan Wilayah Iskandar Malaysia yang baru merangkumi Daerah Johor Bahru dan Kulai serta tiga buah daerah baru iaitu Daerah Kluang, Kota Tinggi dan Pontian yang kini berkeluasan 4,749 kilometer persegi.”

perkhidmatan metropolis IM mewakili Malaysia, bukannya sekadar sebuah lokasi di planet Bumi.

Bandar lestari memberikan perhatian kepada penggunaan bijaksana sumber asli dan memulihara perkhidmatan alam sekitar. Sumber tidak boleh diperbaharui seperti tanah, pasir, agregat, batu dimensi, sumber mineral dan landskap perlu mempunyai kawalan pembangunan. Prioriti adalah sumber kegunaan tempatan bukan bahan komoditi untuk diperdagang. Jika tidak diberikan perhatian, wilayah bakal kepupusan sumber penting ini dan pembangunan boleh terbantut. Pada masa yang sama, sumber perkhidmatan alam sekitar perlu diurus dengan bijaksana. Ini dapat dilakukan dengan mengimbangi kepentingan pemuliharaan dan

penggunaan secara tanpa musnah. Keunikan habitat, kepelbagaiannya fauna dan flora, landskap berpandangan indah dan tapak warisan asli dan rekreasi perlu dikekalkan untuk kepentingan awam.

Perluasan Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia bakal membuka paradigma baharu dalam melaksanakan Pembangunan Lestari Wilayah berdasarkan pengurusan bersama. Kerjasama dan kepercayaan antara IRDA dan lima daerah pembangunan berkaitan menjadi penentu kejayaan dan kelestarian perlaksanaan.

Ibrahim Komoo Prof. Emeritus Dato' Penyandang Kursi Iskandar Malaysia @UTM; dan Felo Penyelidik Kehormat GEOTROPIK-UTM

25 Februari 2019.



Monograf Tindakan

Kelestarian – Meneraju

Pembangunan Lestari

Wilayah Johor sempena

Syarahan Perdana Kursi

Iskandar Malaysia

@UTM, April 2019

SYARAHAN PERDANA KURSI ISKANDAR MALAYSIA @UTM

Pembangunan lestari atau kelestarian di anggap sebagai satu mimpi yang tidak akan menjadi kenyataan. Pelbagai usaha pada peringkat global dan negara telah diperkenalkan, begitupun, keadaan ketidaklestarian masih berterusan. Mereka memberikan perhatian kepada usaha membangun dasar, membina strategi dan perancangan serta pengukur pencapaian. Paradigma tindakan kelestarian di peringkat negeri, wilayah atau daerah diperlukan dan terbukti berkesan.

Berasaskan pemikiran dan kajian selama 25 tahun telah memberikan penulis gambaran dan kepercayaan bahawa pendekatan terbaik untuk menggerakkan transformasi ke arah kelestarian ialah melalui pendekatan Pembangunan Lestari Wilayah.

Syarahan Kursi Iskandar Malaysia @UTM ini akan menjelaskan beberapa tindakan kelestarian di negeri Johor boleh menjadi peneraju wawasan Pembangunan Lestari Wilayah melibatkan tiga kajian kes iaitu Pembangunan Iskandar Malaysia, Pembangunan Wilayah Sungai Johor dan Pembangunan Mersing Geopark serta kupasan lain mengenai Governans Kelestarian.

Kami mengalu-alukan kedatangan anda semua ke Syarahan Perdana Kursi Iskandar Malaysia @UTM yang akan disampaikan oleh penyandang kursi iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo pada April 2019 nanti.



Kota Iskandar, Pusat Pentadbiran Negeri Johor